



06 NOV, 2023

Lelaki dicekup bawa rokok seludup bernilai RM1.18 juta

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Lelaki dicekup bawa rokok seludup bernilai RM1.18 juta

TUMPAT – Seorang penye-
 ludup tidak sempat memper-
 oleh upah RM550 dengan mem-
 bawa sebanyak 156 kotak rokok
 bernilai RM1.18 juta termasuk
 cukai selepas dicekup di Jalan
 Sultan Yahya Petra, Kota Bharu
 dekat sini dua minggu lalu.

Lelaki berusia 48 tahun itu
 ditahan kira-kira 10.30 malam
 pada 24 Oktober lalu apabila
 lori dipandunya diekori ang-
 gota penguat kuasa Jabatan
 Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
 sejauh 10 kilometer dari Palek-
 bang di sini.

Pengarah JKDM Kelantan,
 Wan Jamāl Abdul Salam Wan
 Long berkata, lelaki terbabit
 memandu lori jenis Nissan se-
 belum mengambil kesemua
 rokok tersebut dari kawasan
 pangkalan haram di sini dan
 menuju arah ke Kota Bharu.

Menurutnya, suspek diper-
 cayai akan membawa rokok-
 rokok tersebut ke Lembah
 Klang sebelum kenderaan di-
 pandunya ditahan di Jalan Sul-
 tan Yahya Petra.

“Hasil pemeriksaan, anggota
 penguat kuasa menjumpai 156
 kotak rokok yang mengandungi
 7,800 karton rokok seludup
 yang dianggar bernilai
 RM140,400 dengan nilai cukai
 sebanyak RM1 juta.

“Lelaki itu dipercayai
 mengambil upah sebanyak
 RM550 untuk satu trip perjala-
 nan dari Kelantan ke Lembah
 Klang,” katanya pada sidang
 akhbar di Pejabat Cawan-
 gan Penguatkuasaan JKDM,
 Pengkalan Kubor di sini se-
 malam.

Mengulas lanjut, Wan Jamāl
 Abdul Salam memberitahu,
 kesemua rokok itu dipercayai
 diseludup melalui jalan laut
 bagi mengelak daripada dike-
 san pihak berkuasa.

Menurutnya, suspek juga
 dipercayai aktif menjalankan
 kegiatan penyeludup rokok se-
 jak beberapa bulan lalu.

“Ini merupakan tangkapan
 kedua kegiatan penyeludupan
 rokok menggunakan lori ber-
 tutup bagi mengaburi pihak
 berkuasa dijalankan pada ta-
 hun ini.

“JKDM Kelantan sentiasa
 memantau kegiatan penye-
 ludupan terutamanya di ka-
 wasan pangkalan haram yang
 sudah dikenal pasti sebagai ka-
 wasan panas,” katanya.

Tambahnya, suspek ditahan
 reman selama 10 hari untuk
 siasatan lanjut bermula 24 Ok-
 tober lalu untuk siasatan lan-
 jut mengikut Seksyen 135(1)(e)
 Akta Kastam 1967.



WAN JAMAL ABDUL SALAM (tengah) menunjukkan rokok seludup yang dirampas pada sidang akhbar di Pejabat Cawangan Penguatkuasaan JKDM, Pengkalan Kubor, Tumpat semalam. – ROHANA



06 NOV, 2023

Lelaki dicekup bawa rokok seludup bernilai RM1.18 juta

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

TUMPAT - Seorang penyeludup tidak sempat memperoleh upah RM550 dengan membawa sebanyak 156 kotak rokok bernilai RM1.18 juta termasuk cukai selepas dicekup di Jalan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu dekat sini dua minggu lalu. Lelaki berusia 48 tahun itu ditahan kira-kira 10.30 malam pada 24 Oktober lalu apabila lori dipandunya diekori anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sejauh 10 kilometer dari Palekbang di sini.